

APUZIN TABLET

Captopril (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan APUZIN
2. Bagaimana APUZIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan APUZIN
4. Cara menggunakan APUZIN
5. Semasa menggunakan APUZIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan APUZIN
8. Maklumat lanjut produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan APUZIN

APUZIN digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, kegagalan jantung, serangan jantung dan membantu melindungi buah pinggang pada penghidap diabetes (kencing manis).

Bagaimana APUZIN berfungsi

APUZIN mengandungi captopril sebagai bahan aktif, iaitu sejenis perencat *angiotensin converting enzyme* (ACE) yang digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi. Captopril bertindak dengan merehatkan dan melebarkan salur darah, membolehkan darah mengalir dengan lebih lancar serta menurunkan tekanan darah. Ini membantu mengurangkan beban kerja jantung supaya ia dapat mengepam dengan lebih berkesan dalam kegagalan jantung, melindungi jantung daripada tekanan lanjut selepas serangan jantung, dan mengurangkan tekanan pada buah pinggang untuk membantu memperlakan kerosakan buah pinggang dalam kalangan pesakit diabetes.

Sebelum menggunakan APUZIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini:

- Jika anda alah kepada captopril atau mana-mana bahan lain yang terdapat dalam ubat ini (seperti yang disenaraikan dalam Maklumat Lanjut Produk).
- Jika anda hamil, kerana ia boleh memudaratkan bayi dalam kandungan anda.

Kehamilan dan penyusuan susu ibu

Jika anda hamil atau merancang untuk hamil, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini. Pengambilan ubat ini semasa kehamilan boleh membahayakan bayi anda dengan serius, termasuk menyebabkan kecacatan kelahiran atau kematian.

Jika anda sedang menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau penyakit autoimun (contohnya lupus).

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak kecuali atas nasihat doktor pakar.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai produk kesihatan.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda sedang mengambil:

- ubat diuretik tertentu (ubat untuk membuang air berlebihan)
- ubat tekanan darah tinggi yang lain
- sesetengah ubat tahan sakit (seperti NSAID)
- litium (ubat yang digunakan untuk merawat mania)

Cara menggunakan APUZIN

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk tekanan darah tinggi (hipertensi):

- Dos permulaan biasa: 1 tablet (25 mg) diambil 2 hingga 3 kali sehari.
- Jika tekanan darah tidak terkawal dengan baik selepas 1–2 minggu, doktor anda mungkin akan meningkatkan dos.
- Julat dos biasa: 25 mg hingga 150 mg, diambil 2 hingga 3 kali sehari.
- Dos maksimum: 450 mg sehari.

Untuk kegagalan jantung:

- Dos permulaan biasa: 1 tablet (25 mg) diambil 3 kali sehari.
- Doktor anda mungkin akan meningkatkan dos secara beransur-ansur.
- Peningkatan dos boleh dijarakkan sekurang-kurangnya 2 minggu untuk menilai tindak balas anda.
- Dos maksimum: 450 mg sehari.

Selepas serangan jantung:

- Rawatan biasanya dimulakan dengan dos rendah (6.25 mg).
- Dos akan ditingkatkan secara beransur-ansur dalam tempoh beberapa hari hingga minggu, bergantung kepada toleransi anda.
- Dos sasaran: sehingga 150 mg sehari dalam dos terbahagi.
- Jika anda berasa pening atau mempunyai tekanan darah rendah, doktor anda mungkin akan mengurangkan dos.

Untuk penyakit buah pinggang akibat diabetes:

- Dos yang disyorkan: 75 mg hingga 100 mg sehari, diambil dalam dos terbahagi.

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang:

- Doktor anda mungkin akan memulakan dengan dos yang lebih rendah.
- Peningkatan dos akan dilakukan secara perlahan (setiap 1–2 minggu).
- Dos mungkin disesuaikan untuk mendapatkan dos berkesan paling rendah bagi anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. APUZIN hendaklah diambil satu jam sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

APUZIN perlu diambil mengikut preskripsi doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom seperti tekanan darah rendah (pening, rasa hendak pitam atau pengsan) dan bengkak pada kulit dan pada hujung tangan dan kaki, muka, mulut dan bibir mungkin akan berlaku. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan APUZIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan APUZIN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil APUZIN hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan APUZIN kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tekanan darah rendah mungkin akan berlaku semasa anda mengambil APUZIN. Ikut arahan doktor dengan teliti.

Memandu dan mengendalikan mesin

Ubat ini mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk atau pening kepala, terutamanya pada peringkat awal pengambilan, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Maklumkan kepada doktor anda:

- jika anda mempunyai tanda-tanda jangkitan seperti demam atau sakit tekak.
- jika anda mengalami bengkak, keletihan luar biasa, atau perubahan pada air kencing.
- jika anda akan menjalani sebarang ujian atau pembedahan, kerana ubat ini boleh menjejaskan keputusan ujian.

Anda mungkin memerlukan ujian darah secara berkala untuk memeriksa fungsi buah pinggang, kiraan darah, dan paras kalium.

Elakkan pengambilan alkohol semasa mengambil ubat ini, kerana ia boleh meningkatkan rasa pening.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Buah pinggang:

- Perubahan fungsi buah pinggang
- Pengurangan pengeluaran air kencing
- Peningkatan paras kalium
- Protein dalam air kencing (proteinuria)
- Peningkatan sementara paras urea darah (BUN) dan kreatinin

Darah:

- Pengurangan sel darah putih (boleh meningkatkan risiko jangkitan)

Kulit:

- Ruam kulit atau kegatalan
- Ruam kulit yang disertai demam
- Peningkatan eosinofil (sejenis sel darah putih)
- Gegata (urtikaria)
- Ruam kulit yang melepuh
- Sensitiviti terhadap cahaya matahari

Jantung:

- Tekanan darah rendah (boleh menyebabkan pening atau pengsan)
- Degupan jantung yang laju

Sistem penghadaman:

- Perubahan atau kehilangan deria rasa
- Penurunan berat badan
- Ulser mulut
- Ketidakselesaan atau sakit perut

Lain-lain:

- Rasa kebas atau kesemutan
- Batuk atau kesukaran bernafas
- Bronkospasma (penyempitan saluran pernafasan yang menyebabkan sempit atau kesukaran bernafas)
- Penyakit serum (tindak balas alahan yang boleh menyebabkan demam, ruam dan sakit sendi)
- Pembengkakan kelenjar limfa
- Maklumkan kepada doktor anda jika sebarang kesan sampingan menjadi serius atau tidak hilang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan APUZIN

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

APUZIN perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut produk

- Rupa dan warna produk

Tablet yang berwarna putih dan berbentuk segi empat sama dengan bentuk “” pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Captopril

- Bahan tidak aktif

Stearic Acid, Corn Starch, Lactose,
Colloidal Silicon Dioxide,
Microcrystalline Cellulose

- Nombor MAL:

MAL19985963AZ

Pengilang

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/07/2026

Nombor Siri

NPRA(R4/1)230426/00020